

30/07/2001

Meritokrasi perlu untuk sedarkan pelajar Melayu

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berdasarkan kecemerlangan atau meritokrasi bukan bertujuan menganiaya pelajar Melayu.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata sistem meritokrasi perlu dilaksanakan bagi menyedarkan pelajar Melayu supaya tidak mensia-siakan peluang pendidikan yang disediakan kerajaan.

"Sistem meritokrasi yang memilih pelajar berdasarkan prestasi akademik dan bukannya kuota, bertujuan supaya pelajar Melayu lebih prihatin mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

"Sistem kuota diperkenalkan atas persetujuan semua kaum tetapi segelintir pihak tidak menghargai peluang ini. Bukan mudah untuk mendapat persetujuan bersama.

"Oleh itu kita tidak harus mensia-siakan peluang berkenaan kerana akan ada orang lain yang akan menuntut perkara ini dihapuskan jika peluang berkenaan (kuota) tidak digunakan sebaik-baiknya," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan mengambil tindakan tegas bagi menangani masalah membabitkan pelajar Melayu.

Antaranya, kemungkinan melaksanakan sistem meritokrasi bagi kemasukan ke IPTA iaitu berdasarkan kecemerlangan akademik.

Perdana Menteri, berkata, tindakan kerajaan selama ini yang memperuntukkan kuota dan memberi kelonggaran kepada pelajar sehingga orang yang tidak ada "merit" pun diterima masuk, bukan hanya membuatkan pelajar Melayu "main-main" bahkan menjadi sombong.

Musa yang ditemui pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Keluarga Kementerian Pendidikan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Kepong, hari ini, mengingatkan orang Melayu termasuk badan politik supaya melihat sistem berkenaan secara positif.

"Kita perlu melihat sistem ini secara positif dan jangan hanya melihat aspek negatif kerana sikap memandang setiap perkara itu memberi kesan buruk perlu dikikis," katanya.

Ditanya kemungkinan sistem meritokrasi dipolitikkan sesetengah pihak, beliau berkata:

"Itu biasa, bila kita hendak memperbaiki keadaan, hendak menyedarkan masyarakat kita terhadap kewajipan dan tanggungjawab mereka, akan ada orang mempolitikkan perkara ini menjadikannya negatif.

"Sedangkan apa yang kita usahakan ini bertujuan menyedarkan anak Melayu supaya jangan mensia-siakan peluang yang diberi dan peluang itu diberi kepada mereka atas usaha politik parti pemerintah yang mendapat persetujuan semua kaum."

Musa berkata, syarat memerlukan pelajar menandatangani perjanjian dengan kerajaan untuk memasuki universiti juga perlu dilakukan kerana ramai pelajar lebih berminat kepada aktiviti lain, selain akademik.

"Mereka cenderung kepada perkara lain, justeru mereka perlu diberi peringatan iaitu perjanjian, yang lebih daripada sekadar lafaz ikrar," katanya.

Sementara itu, Parti Gerakan meminta kerajaan menimbang pengagihan ekonomi, selain kemasukan pelajar ke universiti, berdasarkan kecemerlangan dan keperluan kaum.

Naib Presidennya, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata kemasukan dan pengagihan ekonomi berdasarkan kaum serta merit yang diamalkan selama ini,

perlu ditukar bagi melahirkan masyarakat berdaya saing dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).

Katanya, keperluan kaum itu perlu mengambil kira latar belakang, pendapatan keluarga, taraf hidup dan kemudahan pendidikan sama ada mereka menetap di bandar atau luar bandar.

"Kemasukan pelajar berdasarkan meritokrasi dan keperluan kini mudah dilaksanakan kerana data mengenai pencapaian pelajar, pendapatan keluarga dan kemudahan pendidikan boleh diproses melalui komputer.

"Gerakan pernah menyuarakan perkara ini 12 tahun lalu dalam mesyuarat Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) dan berharap ia dapat dilaksanakan secara berperingkat," katanya pada Persidangan Perwakilan Gerakan Selangor, di Dewan Sivik Majlis Perbandaran Petaling Jaya, di sini hari ini.

Koh berkata, pelaksanaan sistem berdasarkan meritokrasi dan keperluan itu tidak harus dilaksanakan tergesa-gesa, sebaliknya perlu dilaksanakan secara beransur-ansur.

"Konsep ini tidak berdasarkan kaum semata-mata. Ia perlu mengambil kira keperluan semua kaum, cabaran e-ekonomi, mewujudkan daya saing dan masyarakat penyayang," katanya.

(END)